

Apec: Pendirian Malaysia tetap

BH 24 MAY 1994

KUALA LUMPUR, Isnin - Malaysia tetap dengan pendiriannya supaya Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec) menjadi organisasi tidak rasmi kerana dikhuatiri ia mengetepikan matlamat asal penubuhannya, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, Apec seharusnya dibiarkan sebagai satu pertubuhan longgar. Tumpuan mestilah dihalakan kepada program membantu negara anggota yang mundur.

Bagaimanapun, katanya, Malaysia tidak mempunyai pilihan, kecuali mengikut bersama jika negara anggota yang lain mahukan organisasi itu menjadi sebaliknya.

"Jika negara Apec yang lain mahu organisasi ini mempunyai sekretariat tetap dan pemimpinnya mengadakan pertemuan setiap tahun, Malaysia terpaksa membenarkan dirinya diheret bersama," katanya menjawab soalan perwakilan Mesyuarat Agung ke-27 Majlis Ekonomi Lembangan Pasifik (PBEC) di sini, hari ini.

Dr Mahathir bagaimanapun menegaskan, mesyuarat Apec tidak harus diinstitusikan.

"Saya berpendapat pada peringkat ini Apec perlu menjadi organisasi longgar supaya kita dapat saling mengenali di an-

LIHAT MUKA 2

Apec: Mahathir akan sertai sidang Jakarta

BH 24 MAY 1994

DARI MUKA 1

tara satu sama lain. Jika pemimpin mahu mengadakan pertemuan sekali sekala, saya berpendapat ia boleh dilaksanakan," katanya.

Menurutnya, ketika idea menubuhkan Apec disuarakan dahulu, Malaysia bimbang kuasa besar yang menganggotainya menggunakan kuasa mereka dan memberi tekanan untuk kepentingan sendiri.

Dr Mahathir berkata, satu lagi kebimbangan terhadap Apec ialah gagasan Asean akan hilang keberkesannya kerana di-

telengami pertubuhan besar itu.

Bercakap kepada pemberita kemudiannya, Dr Mahathir mengesahkan beliau akan menghadiri mesyuarat Apec di Jakarta yang dijadualkan November ini. Beliau sudah pun mendapat undangan rasmi mengenainya.

Menurutnya, soal sama ada perlu lebih banyak mesyuarat di kalangan pemimpin Apec adalah perkara lain kerana jika mesyuarat kerap sekalipun, ia tidak mendatangkan sebarang hasil.

"Saya berpendapat ti-

dak ada perkara besar yang boleh dicapai. Kalau kalangan pemimpin sudah mengenali, itu sudah baik tetapi mesyuarat yang tertali kerap rasanya tidak perlu," katanya.

Perdana Menteri juga berkata, Malaysia berharap Rundingan Ekonomi Asia Timur (EAEC) dapat ditubuhkan secepat mungkin bagi membolehkan ia berfungsi ke arah memantapkan pertubuhan ekonomi serantau.

"Kita berharap ia dapat dibentuk secepat mungkin. Saya tidak dapat menetapkan tarikh sebenar

kerana seperti anda tahu, masih ada negara yang enggan (menyokong) saya tidak menyatakan negara terbabit, tetapi Malaysia yakin mampu meyakinkan mereka," katanya.

Mengenai pandangannya terhadap China selepas melawat negara itu baru-baru ini, Perdana Menteri berkata pemimpin China amat berharap Amerika Syarikat memberikan status keutamaan perdagangan (MFN) bagi kepentingan dua hala.

Dr Mahathir berkata, inilah kali pertama China

menyatakan mereka memerlukan dunia sebagai mana dunia memerlukan China.

Sehubungan itu, katanya, Amerika Syarikat wajar memulitikan kerjasama, terutama dalam konteks perdagangan dengan China dan tidak mengaitkannya dengan soal politik.

Mengenai keinginan Vietnam dan Kemboja menyertai Asean, Perdana Menteri berkata, Malaysia amat berharap mereka menyertai gagasan itu secepat mungkin bagi kepentingan serantau.